

Ismail Sabri sentiasa utamakan UMNO - Hasni

Um - 14/7/2022 m/s: 6

PETALING JAYA: UMNO Johor yakin Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meletakkan kepentingan parti mengatasi kepentingan lain sekali gus meminta ahli-ahli UMNO berhenti cabar-mencabar antara satu sama lain.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor, Datuk Seri Hasni Mohammad berkata, ketika ini sebagai Perdana Menteri, Ismail Sabri sedang mencari jalan mengukuhkan ekonomi dan merangka pendekatan menarik untuk orang muda supaya dapat turut terlibat menyumbang kepada masa depan negara.

Namun, menurut beliau, usaha Perdana Menteri tidak akan



HASNI MOHAMMAD

menjadi kenyataan jika ahli-ahli UMNO berbalah sesama sendiri.

Sebaliknya, kata Hasni, inilah masanya kepemimpinan UMNO perlu bersatu padu mengukuh-

kan kerjasama sesama ahli parti.

“Saya tidak nampak ada baiknya kita cabar mencabar. Kita sepatutnya mencari jawapan kepada persoalan dihadapi rakyat dan bukannya bertegang leher antara satu sama lain yang akhirnya kita masih berdepan masalah sama. Sudahlah masa terbang, jalan penyelesaian pun tidak dapat kita tawarkan kepada rakyat kerana pada akhirnya ialah kepentingan rakyat.

“Kita semua tahu bahawa kita dalam peringkat untuk menyediakan Belanjawan 2023. Adalah lebih baik kita tumpukan sepenuh masa untuk membantu Perdana Menteri dalam merangka belanjawan terbaik

untuk rakyat melalui pandangan-pandangan dan cadangan kita, ini lebih elok,” katanya.

Beliau tampil mempertahankan Ismail Sabri yang juga Naib Presiden UMNO selepas mendakwa ada pihak cuba mempertikai keikhlasannya dalam menjayakan resolusi Perhimpunan Agung Khas UMNO 2022 pada 15 Mei lalu iaitu menyegerakan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Malah, katanya, ada pihak yang menganggap bahawa resolusi itu sebagai satu kegagalan Perdana Menteri yang tidak mengambil berat terhadap keputusan perhimpunan khas itu.

Sedangkan, Hasni berpendapat, UMNO mempunyai barisan

pemimpin berpengalaman dan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya dengan menyedari cabaran-cabaran di hadapan, bermakna parti tidak ada pilihan melainkan mengambil pendekatan memperkuatkan UMNO dan mengukuhkan kerajaan.

“Saya tidak nampak apa yang dibuat oleh Perdana Menteri ini mencerminkan atau memberi gambaran bahawa Perdana Menteri tidak meletakkan kepentingan parti. Saya tidak mendengar bahawa Perdana Menteri akan mengagalkan apa juga bentuk komitmen yang diberi atau sokongan yang diberi terhadap Perhimpunan Agung Khas khususnya,” katanya.